



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 7 NOVEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RM4.79 BILION BUKTI KEPRIHATINAN BANGUNKAN SEKTOR AGROMAKANAN – KIANDEE, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	4.79 BLN ALLOCATION SHOWS GOVT PLACING IMPORTANCE ON AGROFOOD SECTOR – KIANDEE, BERNAMA -ONLINE	
3.	MINISTER LAUDS RM4.79B ALLOCATION ON AGROFOOD SECTOR, MALAY MAIL -ONLINE	
4.	RM4.79 BILION BUKTI KEPRIHATINAN BANGUNKAN SEKTOR AGROMAKANAN, SH -ONLINE	
5.	PENTERNAK AKUAKULTUR TERIMA 50,000 BENIH IKAN PUYU, KOSMO -ONLINE	
6.	PENTERNAK AKUAKULTUR TERIMA 50,000 BENIH IKAN PUYU, UM -ONLINE	
7.	EXPERTS: 2021 BUDGET DOES NOT ADDRESS CHALLENGES FACING AGRICULTURE SECTOR, NST -ONLINE	
8.	GERAN BANTUAN TARIK MINAT ANAK MUDA – MAFI, HARAKAH DAILY -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9.	PENTERNAKAN ARNAB SEMAKIN MENDAPAT TEMPAT DI PERAK, BERNAMA -ONLINE	
10.	GALAK USAHAWAN MUDA TERNAK ARNAB, BH -ONLINE	
11.	PENTERNAKAN ARNAB PEDAGING KIAN BERKEMBANG, HARAKAH DAILY -ONLINE	
12.	PEMOTONGAN GRED PADI JEJAS PENDAPATAN 4,000 KELUARGA DI SUNGAI MANIK, SUARA PERAK -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

RM4.79 bilion bukti keprihatinan bangunkan sektor agromakanan - Kiandee



KUALA LUMPUR, 7 Nov -- Peruntukan RM4.79 bilion bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kepentingan sektor agromakanan kepada ekonomi negara.

Menterinya Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan itu termasuk perbelanjaan mengurus RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan RM1.51 bilion.

"Di bawah perbelanjaan mengurus, MAFI telah menerima RM1.72 bilion bagi pemberian subsidi, insentif dan bantuan untuk petani dan nelayan pada tahun 2021.

"Insentif dan bantuan yang akan diberikan juga antara lain untuk meningkatkan daya saing pengeluaran padi dan beras menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan, selain meringankan beban mereka khususnya dalam keadaan ekonomi yang mencabar masa ini," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Kiandee berkata jumlah subsidi dan insentif yang diterima telah meningkat sebanyak RM50 juta berbanding tahun sebelumnya, dengan subsidi baja padi bukit telah diperkenalkan semula dengan peruntukan sebanyak RM40 juta.

Katanya, keseluruhan subsidi dan insentif yang diterima bagi sektor padi akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara.

"Manakala, Elaun Sara Hidup Nelayan menerima pertambahan peruntukan sebanyak RM30 juta, dengan peningkatan elaun daripada RM250 kepada RM300 sebulan, bagi setiap nelayan.

"Pertambahan ini akan memanfaatkan 40,000 nelayan, di mana kerajaan telah mengembalikan elaun yang sebelum ini telah dipotong, supaya dapat meringankan beban yang ditanggung para nelayan yang terjejas akibat pandemik COVID-19," katanya.

Selain itu beliau berkata, MAFI juga telah menerima peruntukan sebanyak RM410 juta bagi pelaksanaan beberapa inisiatif utama, yang merangkumi Program Kebun Komuniti atau Kebuniti.

"Manakala Skim Pembiayaan Mikrokredit di bawah Agrobank yang akan memberikan lebih banyak peluang kepada PKS, gologan wanita dan orang muda, yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan, manakala bagi pengusaha sedia ada boleh menggunakan untuk memulakan semula perniagaan, bagi menggantikan modal perniagaan yang terjejas sepanjang tempoh ini," katanya.

Dalam perkembangan yang lain, Timbalan Menteri I Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika merasmikan program pelepasan 25,000 benih udang ke Perairan Umum di Sungai Rambai, Melaka hari ini berkata, sektor pertanian menyumbang 7.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019 dan diunjurkan berkembang 4.7 peratus pada tahun depan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

4.79 bln allocation shows govt placing importance on agrofood sector - Kiandee



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR, Nov 7 -- The allocation of RM4.79 billion for the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) shows the government is placing importance on the agrofood sector to boost the country's economy.

Its minister, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said the allocation comprised the operating expenditure of RM3.28 billion and development expenditure of RM1.51 billion.

"Under operating expenditure, the ministry has received RM1.72 billion for the provision of subsidies, incentives and aid for farmers and fishermen in 2021.

"The incentives and aid to be given are for, among others, raising the padi and rice production competitiveness through improving productivity, quality and efficiency, besides reducing their financial burden, especially during this challenging economic situation," he said in a statement, here, today.

Kiandee said the amount of subsidies and incentives increased by RM50 million compared to last year, with the reintroduction of fertiliser subsidy for hill padi cultivation with an allocation of RM40 million.

He said the total subsidies and incentives received for the padi sector would benefit 300,000 farmers across the country.

"The Fishermen's Cost of Living Allowance, meanwhile, has received an additional allocation of RM30 million with the monthly allowance for each fisherman increased from RM250 to RM300.

"This will benefit 40,000 fishermen, whereby the government has returned the amount of allowance which had earlier been cut so as to lighten the financial burden of fishermen affected by the COVID-19 pandemic," he said.

Kiandee said the ministry had also received an allocation of RM410 million to implement some major initiatives including the Community Garden Programme or Kebuniti.

"Also, the Microcredit Financing Scheme under Agrobank will provide more opportunities to the SMEs, women and youth wanting to venture into the agrofood sector for starting capital, while the existing entrepreneurs can use the fund to restart their affected business during this current period," he added.

Meanwhile, MAFI Deputy Minister I, Datuk Seri Ahmad Hamzah at an event to release 25,000 prawn fry into Sungai Rambai in Melaka today, said the agriculture sector contributed 7.1 per cent to Gross Domestic Product (GDP) in 2019 and it was projected to increase by 4.7 per cent next year.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

Minister lauds RM4.79b allocation on agrofood sector



Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Ronald Kiandee addresses reporters during the soft launch of the Malaysian Agriculture and Horticulture Agrotourism Show in Serdang August 26,2020. — Picture by Miera Zulyana

KUALA LUMPUR, Nov 7 — The allocation of RM4.79 billion for the Ministry of Agriculture and Food Industries (MAFI) shows the government is placing importance on the agrofood sector to boost the country's economy.

Its minister, Datuk Seri Ronald Kiandee said the allocation comprised the operating expenditure of RM3.28 billion and development expenditure of RM1.51 billion.

"Under operating expenditure, the ministry has received RM1.72 billion for the provision of subsidies, incentives and aid for farmers and fishermen in 2021.

"The incentives and aid to be given are for, among others, raising the paddy and rice production competitiveness through improving productivity, quality and efficiency, besides reducing their financial burden, especially during this challenging economic situation," he said in a statement, here, today.

Kiandee said the amount of subsidies and incentives increased by RM50 million compared to last year, with the reintroduction of fertiliser subsidy for hill paddy cultivation with an allocation of RM40 million.

He said the total subsidies and incentives received for the paddy sector would benefit 300,000 farmers across the country.

"The Fishermen's Cost of Living Allowance, meanwhile, has received an additional allocation of RM30 million with the monthly allowance for each fisherman increased from RM250 to RM300.

"This will benefit 40,000 fishermen, whereby the government has returned the amount of allowance which had earlier been cut so as to lighten the financial burden of fishermen affected by the Covid-19 pandemic," he said.

Kiandee said the ministry had also received an allocation of RM410 million to implement some major initiatives including the Community Garden Programme or Kebuniti.

"Also, the Microcredit Financing Scheme under Agrobank will provide more opportunities to the SMEs, women and youth wanting to venture into the agrofood sector for starting capital, while the existing entrepreneurs can use the fund to restart their affected business during this current period," he added.

Meanwhile, MAFI Deputy Minister I, Datuk Seri Ahmad Hamzah at an event to release 25,000 prawn fry into Sungai Rambai in Melaka today, said the agriculture sector contributed 7.1 per cent to Gross Domestic Product (GDP) in 2019 and it was projected to increase by 4.7 per cent next year. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	SINAR HARIAN	ONLINE	

RM4.79 bilion bukti keprihatinan bangunkan sektor agromakanan



Subsidi dan insentif yang diterima bagi sektor padi akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara. (Gambar hiasan) - Foto Bernama Gambar kecil: Dr Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR - Peruntukan RM4.79 bilion bagi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kepentingan sektor agromakanan kepada ekonomi negara.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, peruntukan itu termasuk perbelanjaan mengurus RM3.28 bilion dan perbelanjaan pembangunan RM1.51 bilion.

"Di bawah perbelanjaan mengurus, MAFI telah menerima RM1.72 bilion bagi pemberian subsidi, insentif dan bantuan untuk petani dan nelayan pada tahun 2021.

"Insentif dan bantuan yang akan diberikan juga antara lain untuk meningkatkan daya saing pengeluaran padi dan beras menerusi peningkatan produktiviti, kualiti dan kecekapan, selain meringankan beban mereka khususnya dalam keadaan ekonomi yang mencabar masa ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kiandee berkata, jumlah subsidi dan insentif yang diterima telah meningkat sebanyak RM50 juta berbanding tahun sebelumnya, dengan subsidi baja padi bukit telah diperkenalkan semula dengan peruntukan sebanyak RM40 juta.

Katanya, keseluruhan subsidi dan insentif yang diterima bagi sektor padi akan memanfaatkan 300,000 pesawah di seluruh negara.

"Manakala, Elaun Sara Hidup Nelayan menerima pertambahan peruntukan sebanyak RM30 juta dengan peningkatan elau daripada RM250 kepada RM300 sebulan bagi setiap nelayan.

"Pertambahan ini akan memanfaatkan 40,000 nelayan, di mana kerajaan telah mengembalikan elau yang sebelum ini telah dipotong, supaya dapat meringankan beban yang ditanggung para nelayan yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19)," katanya.

Selain itu beliau berkata, MAFI juga telah menerima peruntukan sebanyak RM410 juta bagi pelaksanaan beberapa inisiatif utama, yang merangkumi Program Kebun Komuniti atau Kebuniti.

"Manakala Skim Pembentangan Mikrokredit di bawah Agrobank yang akan memberikan lebih banyak peluang kepada PKS, gologan wanita dan orang muda, yang ingin menceburi bidang agromakanan sebagai modal permulaan, manakala bagi pengusaha sedia ada boleh menggunakan untuk memulakan semula perniagaan bagi menggantikan modal perniagaan yang terjejas sepanjang tempoh ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Timbalan Menteri I, Datuk Seri Ahmad Hamzah ketika merasmikan program pelepasan 25,000 benih udang ke Perairan Umum di Sungai Rambai, Melaka hari ini berkata, sektor pertanian menyumbang 7.1 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2019 dan diunjurkan berkembang 4.7 peratus pada tahun depan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	KOSMO	ONLINE	

Penternak akuakultur terima 50,000 benih ikan puyu



JASIN – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyampaikan sejumlah 50,000 bantuan benih ikan puyu kepada penternak akuakultur dari daerah ini dan Alor Gajah di Kota Budaya, Sungai Rambai, di sini hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Harnzah berkata, bantuan itu merupakan antara usaha kerajaan dalam membangunkan dan mengukuhkan ekonomi nelayan serta penternak-penternak akuakultitir di negeri ini.

"Harapan saya agar bantuan benih ikan puyu ini dapat menambah baik ekonomi nelayan serta penternak akuakultur untuk mempunyai pendapatan tetap yang jauh lebih tinggi berbanding sebelumnya."

"Kita juga tahu, semua lapisan sektor dalam negara terkesan dengan pandemik Covid-19, jadi ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu memulihkan ekonomi rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Program pelepasan benih udang ke perairan umum dan penyerahan kad pendaftaran nelayan Sungai Melaka di Kota Budaya Sungai Rambai, di sini hari ini.

Terdahulu, Ahmad menyampaikan benih ikan puyu itu kepada penerima dengan disaksikan oleh Pengurusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Turut hadir ialah Pengarah Perikanan Negeri, Mohd. Fauzi Salehon. – K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Penternak akuakultur terima 50,000 benih ikan puyu



AHMAD Hamzah (dua dari kiri) melepaskan benih udang ke Sungai Kesang, Sungai Rambai, Melaka hari ini.

JASIN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan menyerahkan sejumlah 50,000 bantuan benih ikan puyu kepada penternak akuakultur dari daerah ini dan Alor Gajah di Kota Budaya, Sungai Rambai, di sini, hari ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, bantuan itu merupakan antara usaha kerajaan dalam membangunkan dan mengukuhkan ekonomi nelayan serta penternak-penternak akuakultur di negeri ini.

Ujarnya, pemberian benih itu dijangka dapat meningkatkan hasil pengeluaran ikan puyu dan meringankan beban dalam sektor itu dalam jangka masa panjang.

"Harapan saya agar bantuan benih ikan puyu ini dapat menambah baik ekonomi nelayan serta penternak akuakultur untuk mempunyai pendapatan tetap yang jauh lebih tinggi berbanding sebelumnya."

"Kita juga tahu, semua lapisan sektor dalam negara terkesan dengan pandemik Covid-19, jadi ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk membantu memulihkan ekonomi rakyat," katanya pada program pelepasan benih udang ke perairan umum dan penyerahan kad pendaftaran nelayan di sini, hari ini.

Terdahulu, Ahmad menyampaikan benih ikan puyu itu kepada penerima dengan disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Penternakan, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Norhizam Hassan Baktee.

Yang hadir Pengarah Perikanan Negeri, Mohd. Fauzi Salehon.

Pada majlis itu, Ahmad turut bersama-sama melepaskan 25,000 benih udang galah ke perairan Sungai Kesang dan menyerahkan kad pendaftaran nelayan kepada lima nelayan sungai serta penyerahan 13 lesen alatan menangkap ikan.

Pada program tersebut, beliau memberitahu sehingga kini sebanyak dua juta benih ikan dan udang telah dilepaskan di perairan umum sejak 2003.

Sementara itu, mengulas lanjut peruntukan berjumlah lebih RM3 bilion menerusi pembentangan Belanjawan 2021 semalam, beliau yakin jumlah itu mampu memperkasa lagi sektor pertanian di negara ini.

"Untuk tahun lalu saja, sektor pertanian menyumbang kepada 7.1 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Ketika sektor lain mencatatkan penguncutan ekoran penularan pandemik COVID-19, sektor pertanian diunjurkan terus berkembang kepada 4.7 peratus daripada KDNK tahun hadapan," katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	NST	ONLINE	

Experts: 2021 Budget does not address challenges facing agriculture sector



Agriculture and food security experts argue that the 2021 Budget does not address the long-standing challenges facing the country's agricultural sector. - NSTP file pic

KUALA LUMPUR: Agriculture and food security experts argue that the 2021 Budget does not address the long-standing challenges facing the country's agricultural sector.

Global Coordinator at International Service for the Acquisition of Agri-biotech Applications (ISAAA) and co-founder of SMC Malaysia Dr Mahalethchumy Arujanan said the Budget stops short of putting in place a robust extension service.

"All the initiatives for agriculture are good, but we will only reap the benefits if we deploy agricultural extension officers to train our farmers in organic farming, deep irrigation and other techniques."

"Otherwise, many of these initiatives might be abandoned or not implemented as planned," she said, adding the Budget also overlooks the seed industry.

She said there are no seed companies in Malaysia or strong research and development programmes to develop seeds for farmers.

"Farmers often have to figure out for themselves on ways to get quality seeds. Besides that, the government should also reduce tariffs for imported raw materials used in agri and food production under the 2021 Budget," she said.

Meanwhile, University Putra Malaysia (UPM) food security expert Associate Professor Dr Shaufique Fahmi Ahmad Sidique lauded the government's effort to encourage community farming by expanding Program Kebun Komuniti.

"Community farming is definitely the way forward for our country, especially to reduce the ecological footprint," he said.

He also welcomed the government's support for fishermen to modernise their boats and equipment.

"This is crucial for the fate of our fisheries sector. But, I hope the allocations are meant for modernising vessels for deep-sea fishing and not inshore fishing.

"Deep sea fishing is an underexplored area, but on the contrary, unsustainable inshore fishing is depleting our fisheries stock," he said.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee said he welcomes the expansionary and comprehensive Budget.

"The total allocation for our Ministry is RM4.7 billion...this is a recognition to the industry that has recorded positive growth in the second quarter of this year despite the pandemic and is expected to further grow at 4.7 per cent next year."

"This will contribute significantly to the GDP," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Geran bantuan tarik minat anak muda – MAFI



KUALA LUMPUR: Bermula Januari sehingga Oktober 2020 terdapat seramai 15 orang penternak muda di bawah bimbingan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak, telah diberi bantuan Geran Agroprenuer Muda yang disalurkan oleh Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI).

Menurut Timbalan II MAFI, Dato' Che Abdullah Mat Nawi, dengan adanya bantuan geran berkenaan ia dapat menarik minat penternak muda di bawah usia 40 tahun untuk berkecimpung dalam sektor penternakan dan pertanian.

Katanya, bermula pada tahun 2016, penternakan arnab telah muncul kembali dengan nafas baharu bagi memenuhi permintaan masyarakat yang ingin merasai lebih banyak pilihan makanan.

Antara yang lain turut menjadi keistimewaan daging arnab mempunyai kadar protein dan serat halus yang tinggi serta rendah kolestrol berbanding ayam, lembu dan bebiri.

"Disokong geran dan pinjaman dari Agrobank, populasi dan penternak arnab sedang berkembang pesat seperti cendawan tumbuh di seluruh negara.

"Pada tahun ini sahaja, kursus penternakan arnab telah dilaksanakan sebanyak 5 siri dan disertai seramai 250 orang telah dilatih oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak serta kursus secara bekerjasama dengan Persatuan dan Koperasi Arnab," katanya.

Che Abdullah berucap demikian dalam program Perasmian Pusat Jualan Input Pertanian dan Penternakan FJ Trading, Pekan Langkap pada hari ini.

Pun begitu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya turut membantu penternak arnab di Negeri Perak dalam memberi ilmu melalui pengajuran kursus, bekalan peralatan, bengkel pemprosesan arnab dan kandang untuk meningkatkan populasi arnab itu sendiri. – HARAKAH DAILY 7/11/2020

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	BERNAMA	ONLINE	

Penternakan arnab semakin mendapat tempat di Perak



TAPAH, 7 Nov -- Bidang penternakan arnab semakin mendapat tempat dalam kalangan perternak di Perak selepas industri itu meningkat tiga kali ganda daripada 5,000 ekor pada tahun lepas kepada 15,000 ekor tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata untuk rekod, pada tahun ini seramai 95 penternak arnab telah mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak berbanding 62 penternak tahun lalu.

"Daerah Batang Padang merupakan daerah yang tertinggi bilangan penternak dan ternakan arnab laiu hampir 35 peratus (daripada jumlah keseluruhan) yang terdapat di negeri Perak.

"Ini adalah kerana daerah itu berhampiran dengan Lembah Klang yang merupakan tempat jualan daging arnab yang utama kepada penternak di negeri Perak," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Pusat Jualan Bahan Pertanian dan Penternakan serta lawatan ke Ladang Penternakan Arnab Pedaging di Tapah Road di sini hari ini.

Che Abdullah berkata sehingga kini, hampir 500 penternak arnab di seluruh negara telah mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan beliau yakin masih terdapat penternak yang belum berbuat demikian.

Oleh itu, beliau berharap penternak arnab dapat mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi mendapatkan faedah sewajarnya sekali gus meningkatkan produktiviti melalui kerjasama dengan Persatuan dan Koperasi Arnab.

"Kita galakkan mereka menyertai koperasi untuk mudahkan mereka memasarkan daging selain mendapatkan faedah-faedah yang lain.

"Kita tidak wajibkan mendaftar tetapi bila kita tahu (penternak yang tidak mendaftar dengan jabatan), kita akan mendekati dan memberi nasihat sewajarnya kerana kita mahu menjadikan industri menternak arnab satu bidang yang tetap," katanya.

Che Abdullah berkata pada tahun ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak telah melaksanakan lima siri kursus penternakan arnab yang disertai 250 orang hasil kerjasama Persatuan dan Koperasi Arnab.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya membantu penternak di negeri Perak dari segi ilmu melalui pengajuran kursus, bekalan peralatan, bengkel pemprosesan arnab dan kandang untuk meningkatkan populasi arnab itu sendiri," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Galak usahawan muda ternak arnab



Abdullah (dua dari kanan) melihat arnab ternakan Muhammad Fauzi Jipri (kiri) di Projek Ternakan Arnab Pedaging FJ Rabbitry Tapah Road, Tapah. - Foto ihsan Pembaga

TAPAH: Bidang penternakan arnab pedaging di Perak semakin berkembang dengan peningkatan tiga kali ganda dari 5,000 ekor, tahun lalu kepada 15,000 ekor tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata jumlah penternak haiwan itu juga meningkat daripada 62 kepada 95 orang.

Perkembangan positif itu selaras dengan usaha kerajaan memberi galakan kepada usahawan terutama golongan muda mencebur ke bidang penternakan arnab.

"Batang Padang menjadi daerah tertinggi ada penternak.

Ternakan arnab adalah 35 peratus daripada keseluruhan di Perak.

"Tahun ini, 250 orang melalui lima siri kursus penternakan arnab sudah dilatih oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak dengan kerjasama Persatuan dan Koperasi Arnab," katanya selepas melawat Projek Ternakan Arnab Pedaging FJ Rabbitry Tapah Road di sini, hari ini.

Che Abdullah berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak dan Putrajaya menganjurkan kursus, bekalan peralatan, bengkel pemprosesan arnab dan kandang tingkatkan populasi haiwan itu.

Seramai 15 penternak muda dibimbing Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak diberi Geran Agroprenuer Muda oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sejak Januari hingga Oktober lalu.

"Ini dapat menarik minat penternak muda di bawah usia 40 tahun berkecimpung dalam sektor itu," katanya.

Sehingga ini, 500 penternak arnab di seluruh negara sudah mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

"Mereka digalakkan menyertai koperasi untuk mudahkan memasarkan daging, selain dapat faedah lain. Kita tidak mewajibkan mendaftar, dinasihatkan kerana mahu jadikan ia satu bidang tetap dan koperasi boleh membantu," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Penternakan arnab pedaging kian berkembang



KUALA LUMPUR: Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II (MAFI), Dato' Che Abdullah Mat Nawi, berkata industri arnab pedaging kini kian pesat berkembang di seluruh Malaysia.

Beliau berkata, kerajaan amat menggalakkan masyarakat menceburii bidang penternakan arnab pedaging khususnya anak muda kerana ia adalah suatu bidang yang agak ringan dan mampu dilaksanakan oleh semua golongan masyarakat serta tidak memerlukan modal dan tanah yang besar.

"Pulangannya sangat cepat kerana arnab berumur 80 hingga 90 hari telah boleh disembelih dan dijual. Seekor arnab pedaging boleh dijual sekitar RM40 sehingga RM50 seekor selepas diproses.

"Penternakan arnab pedaging ini juga akan mempelbagaikan sumber daging kepada rakyat Malaysia dalam memastikan jaminan makanan negara," ucapnya dalam program Perasmian Pusat Jualan Input Pertanian dan Penternakan FJ Trading, Pekan Langkap.

Beliau juga berkata, sehingga tahun ini terdapat seramai 95 orang penternak arnab pedaging di negeri Perak dengan memiliki sebanyak 15,000 ekor arnab pedaging yang diternak berbanding tahun sebelum ini.

Selain itu, Che Abdullah turut menyatakan terdapat pelbagai insentif yang telah disediakan oleh MAFI bagi menggalakkan masyarakat khususnya anak muda untuk menceburii bidang pertanian, penternakan, perikanan dan industri makanan amnya.

Sementara itu tambahnya, di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) terdapat sebanyak RM350 juta disalurkan di bawah Skim Agromakanan yang boleh dimanfaatkan oleh usahawan agro dan industri makanan yang menyediakan kemudahan seperti AgroKredit, MyFutureAgro dan Kebuniti.

Bagaimanapun, Che Abdullah berharap agar sektor pertanian, penternakan, perikanan dan industri makanan perlu berjalan tidak kira dalam apa jua keadaan untuk kelangsungan jaminan makanan negara.

Katanya, perkara itu turut menjadi faktor untuk kerajaan memberi perhatian dan kesungguhan dalam sektor berkenaan.

"Para petani, penternak dan nelayan yang bergelumang dalam sektor ini harus berasa bangga kerana kalianlah wira tani yang bersama-sama MAFI untuk terus menjadikan bekalan makanan negara tidak terputus terutama dalam tempoh negara sedang menghadapi penularan wabak Covid-19 sekarang ini," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau juga bangga dengan pencapaian anak muda Muhammad Fauzi Jipri atas kejayaan melaksanakan projek penternakan arnab pedaging dan membuka Pusat Jualan Input Pertanian dan Penternakan Bumiputera baru-baru ini.
– HARAKAH DAILY 7/11/2020

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/11/2020	SUARA PERAK	ONLINE	

Pemotongan gred padi jejas pendapatan 4,000 keluarga di Sungai Manik.



TELUK INTAN: Kira-kira 4,000 keluarga pesawah di kawasan jelapang padi Sungai Manik terjejas pendapatan kerana pemotongan gred yang disifatkan terlalu tinggi.

Mereka yang mengusahakan lebih 2,000 hektar sawah mendakwa pemotongan itu sangat ketara ketika tuaian musim sekarang yang bermula Oktober lalu.

Beberapa pesawah yang ditemui memohon pihak berkuasa melakukan sesuatu untuk membantu mereka yang bergantung hidup kepada hasil padi.

Masroup Sukir dari Parit 13 Sungai Manik berkata, penutupan Pejabat Pertanian di Chenderong Balai turut memberi kesan kepada mereka, khususnya untuk mendapatkan khidmat nasihat.

"Apa yang berlaku sekarang ni, pemotongan hanya menguntungkan kepada pihak syarikat kilang yang mana petani menghadapi banyak masalah, terutamanya dari segi sewa tanah, upah-upah dan sebagainya dari segi racun dan sebagainya."

"Kalau dulu, Pejabat Pertanian ni memang sedia ada di Chenderong Balai tetapi sekarang ni dah tutup, kami tak tahu mengapa tetapi sejak kerajaan Pakatan Harapan memerintah," katanya ketika ditemui semasa lawatan Ahli Parlimen Pasir Salak, Datuk Seri Tajuddin Abd Rahmah.

Bagi Helme Iskandar Mohamad dari Kuala Sungai Manik pula, masalah timbul apabila pemotongan lebih 20 peratus menyebabkan pendapatan pesawah terjejas.

"Kos penanaman padi tinggi, jadi bila dapat potongan lebih daripada 20, maksudnya dalam 27, 30 dia akan menjadikan petani terhimpit dengan masalah hutang, masalah kos yang kita tanggunglah," ujarnya.

Sementara itu, Tajuddin menasihatkan pesawah supaya mengikut amalan pertanian baik (GAP) yang diperkenalkan ketika beliau menjadi Timbalan Menteri Pertanian.

"Ia melibatkan jadual pertanian, bila nak mula dan melibatkan benih padi yang baik, melibatkan penggunaan baja tepat pada waktunya, kemudian penjagaan penyakit dan sebagainya."

"Senarai itu perlu dipatuhi, barulah kita boleh mendapatkan hasil yang baik dan tinggi," katanya.

Beliau juga berharap agar Pejabat Pertanian di Chenderong Balai dibuka semula dan menempatkan juruteknik pertanian untuk memberi khidmat nasihat kepada para pesawah.